

# Kerajaan hadapi masalah memindah kilang2 haram — PM

UM 17 MAY 1991

KUALA LUMPUR 16 Mei — Kerajaan menghadapi masalah untuk memindahkan kilang-kilang haram di seluruh negara kerana ia telah dipolitikkan, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, setiap kali kerajaan hendak memindahkan kilang-kilang itu, terdapat pihak tertentu yang menghasut orang ramai supaya membuat bantahan.

"Seperti juga di Pulau Pinang, bila hendak cuci jalan sikit, datanglah ahli politik daripada DAP yang membantah supaya jangan roboh gerai-gerai, lama-kelamaan jadi kawasan kotor sehingga tidak boleh diduduki," katanya kepada pemberita ketika melawat tapak kilang mercun di Sungai Buluh yang terbakar 7 Mei lalu.

Di samping itu, katanya, usaha untuk membuang sisa toksid juga telah dijadikan isu politik oleh pihak-pihak tertentu.

"Kita dah fikir lama tentang tempat khas (untuk membuang sisa toksid) itu tetapi setiap kali kita tentukan tempat itu walaupun telah ambil kira kepentingan penduduk dan sebagainya, ada saja protes dan ada saja pihak yang menjadikan ini isu politik.

"Mereka membangkitkan macam-macam masalah walaupun kita telah kaji dengan mendalam tentang kesesuaian tempat itu tapi malangnya ada saja yang nak cari peluang untuk menjadikannya isu politik," tambah Dato' Sri Dr. Mahathir.

Kata Perdana Menteri, bahan-bahan toksid itu tidak dapat disimpan dengan cara yang selamat dan terpaksa diletakkan di tempat yang tidak sesuai.

"Lebih cepat orang berhenti daripada membuat tohmah buruk, lebih mudah kita simpan bahan-bahan ini supaya tidak membahayakan masyarakat," katanya lagi.